

07 FEB 2004

ABDULLAH TERBUKTI PEMIMPIN BERKALIBER, KATA CHAN

KUALA LUMPUR, 7 Feb (Bernama) -- Timbalan Presiden MCA Datuk Seri Chan Kong Choy berkata Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah membuktikan beliau adalah seorang pemimpin yang berkaliber dan tegas dalam membuat keputusan.

"Kebajikan dan kepentingan rakyat sentiasa menjadi keutamaan beliau dalam membuat keputusan. Abdullah juga telah membuktikan diri sebagai seorang pemimpin yang liberal dan terbuka terhadap cadangan orang lain," kata Chan yang juga Menteri Pengangkutan.

Beliau berkata demikian apabila diminta mengulas mengenai tempoh 100 hari pentadbiran Abdullah. Chan ditemui pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Agung Tahunan Alumni Jabatan Kajian Tiong Hua Universiti Malaya (PEJATI) di sini, hari ini.

Menurut beliau lagi sebagai pemimpin yang mengutamakan kepentingan rakyat, Abdullah sudah pasti akan membawa negara ke tahap pencapaian yang lebih gemilang.

Abdullah mengambilalih jawatan Perdana Menteri daripada Tun Dr Mahathir Mohamad pada 31 Oktober lepas dan dalam tempoh 100 hari pemerintahannya beliau telah membawa pelbagai pembaharuan dan dasar yang mengutamakan kepentingan rakyat jelata.

-- BERNAMA

UHS MUN PR